

Headline	PRASARANA lantik MRCB, George Kent rakan penyediaan projek bagi LRT3
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah
Date	06 Sep 2015
Section	Supplement 1
Page No	B13
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily (EM)



PRASARANA lantik MRCB, George Kent rakan penyediaan projek bagi LRT3

KUALALUMPUR: Prasarana Malaysia Bhd, pengendali pengangkutan awam bandar milik negara, melantik Malaysian Resources Corp Bhd dan George Kent (M) Bhd sebagai rakan penyediaan projek bagi talian Transit Aliran Ringan 3 (LRT3).

Pengarah Urusan, Datuk Azmi Abdul Aziz berkata projek itu *dijangka menelan* kos kira-kira RM9 bilion, tidak termasuk kos pembelian tanah.

"Projek itu *dijangka siap* pada 31 Ogos, 2020. Ia akan menyediakan perkhidmatan kepada lebih dua juta komuter di sepanjang jajaran dan akan menghubungkan Bandar Utama, Damansara dan Johar Setia di Klang menjelang 2025," katanya kepada pem-

berita di sini, kelmarin.

Azmi berkata PRASARANA akan membiayai projek itu menerusi terbitan sukuk di mana kadar kupon akan diputuskan kemudiannya.

Beberapa institusi kewangan berminat untuk membiayai projek itu, katanya.

"Institusi kewangan tempatan sangat teruja untuk menyertai projek ini," katanya sambil menambah usaha sekerang adalah rakan penyediaan projek mula bekerja dengan segera dan mendapatkan kelulusan bagi ciri-ciri reka bentuk.

Pada Disember tahun ini, syarikat itu akan mempelawa kontraktor menyertai prakeyalakan, katanya.

"Kami juga mahu memastikan semua pemegang kepent-

ingan berada di belakang kami dan menyokong kami bagi menjayakan pelaksanaan sepenuhnya projek ini.

"Kami sedang mengusahakan struktur projek itu dan kami percaya boleh memulakan kerja pembinaan awal tahun depan," katanya.

Sementara itu Azmi berkata, syarikat berkenaan tidak *menjangka* penurunan nilai ringgit akan memperlambatkan projek tersebut kerana mata wang tempatan *dijangka kukuh* dengan usaha-usaha yang diambil Jawatankuasa Khas Ekonomi untuk meningkatkan pertumbuhan.

Beliau berkata projek itu tidak akan terjejas oleh pergerakan jangka pendek mata wang. — Bernama